



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES **KEGANASAN** **RUMAH TANGGA**



UNTUK KEGUNAAN
AGENSI KERAJAAN

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA

Garis Panduan Pengendalian
Kes Keganasan Rumah Tangga Tahun 2023
Edisi Kedua

Cetakan Pertama Tahun 2023
Hak Cipta Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Diterbitkan oleh
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.
Tel : 03-8000 8000
fax : 03-8323 2000
www.kpwkm.gov.my

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada
terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk
pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk
atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara
elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Dasar
dan Perancangan Strategik, Kementerian
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



KANDUNGAN

SENARAI SINGKATAN	4
PRAKATA	5
1 PENGENALAN	
• Tujuan	8
• Latar Belakang	8
2 PERANAN AGENSI DALAM PENGENDALIAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA	
• Jabatan Peguam Negara	13
• Kementerian Kesihatan Malaysia	13
• Jabatan Kebajikan Masyarakat	15
• Polis Diraja Malaysia	16
• Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia	17
• Jabatan Kemajuan Islam Malaysia/ Jabatan Agama Islam Negeri	18
• Jabatan Pembangunan Wanita	18
• Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	19
• Jabatan Bantuan Guaman	19
• Yayasan Kebajikan Negara	20
• Lembaga Kaunselor Malaysia	20
• Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak	21
• Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah	21
3 PROSEDUR DAN PROSES KERJA BAGI PENGENDALIAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA	
• Senarai Perkhidmatan Utama yang Disediakan bagi Kes Keganasan Rumah Tangga	23
• Perintah Perlindungan Kecemasan	24
• Perintah Perlindungan Interim	31
• Perintah Perlindungan	44
• Bantuan Rawatan Kesihatan/ Psikologi/ Emosi di One Stop Crisis Centre	53
• Perkhidmatan Perlindungan di Tempat Selamat/ Tempat Berlindung	56
• Bantuan Sokongan:	
i. Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling	67
ii. Program Pemulihan	68
iii. Tuntutan Ganti Rugi/ Pampasan	71
iv. Rujukan ke Agensi Lain	75
4 PENUTUP	77
5 LAMPIRAN - BORANG DI BAWAH AKTA 521 (AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994)	79

SENARAI SINGKATAN

AKRT	Akta Keganasan Rumah Tangga	KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
EPO	<i>Emergency Protection Order</i>	KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
IPO	<i>Interim Protection Order</i>	KTJ	Kanun Tatacara Jenayah
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri	LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	LKM	Lembaga Kaunselor Malaysia
JBG	Jabatan Bantuan Guaman	NGO	<i>Non Government Organisation</i>
JHEWA	Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah	OKU	Orang Kurang Upaya
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat	OSCC	<i>One Stop Crisis Centre</i>
JKMS	Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak	PO	<i>Protection Order</i>
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita	PDRM	Polis Diraja Malaysia
JWKS	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak	YKN	Yayasan Kebajikan Negara

PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, **Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga** ini berjaya diterbitkan.

Isu keganasan rumah tangga merupakan antara isu sosial yang memerlukan perhatian serius serta usaha bersepada daripada semua pihak bagi memastikan ia dapat ditangani secara holistik, berkesan dan cekap. Garis panduan ini memperincikan peranan setiap agensi kerajaan yang terlibat serta prosedur dan proses kerja berteraskan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (pindaan 2017) dan akta-akta lain yang berkaitan dalam mengendalikan sesuatu kes keganasan rumah tangga.

Garis panduan ini juga diterbitkan sebagai dokumen rujukan berkaitan prosedur permohonan perintah perlindungan, bantuan rawatan, perkhidmatan perlindungan di Tempat Selamat (diwartakan) dan tempat berlindung dan bantuan sokongan lain. Ini membantu dalam memastikan pengurusan mangsa keganasan rumah tangga adalah lebih baik dan sistematik. Ini juga adalah sumbangan yang signifikan dalam menangani isu keganasan rumah tangga di negara kita.

KPWKM yakin garis panduan ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua agensi kerajaan yang terlibat di samping memperkuuhkan kerjasama berterusan antara agensi kerajaan terutamanya dalam pengendalian kes dan pengurusan mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff

Ketua Setiausaha

*Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
merangkap Pengerusi Jawatankuasa Keganasan Rumah Tangga*

1

PENGENALAN



TUJUAN

Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada agensi kerajaan mengenai peranan dan prosedur yang terlibat dalam pengendalian sesuatu kes keganasan rumah tangga. Ini juga bagi meningkatkan pemahaman dalam kalangan pegawai agar tindakan pelaksanaan adalah secara bersepadu dan sistematik.

LATAR BELAKANG

Keganasan rumah tangga adalah antara isu sosial yang sering berlaku sehingga menjadi norma dalam kalangan masyarakat dan dianggap sebagai suatu pergolakan sesebuah keluarga yang wajar diselesaikan tanpa campur tangan pihak lain. Isu ini ditafsirkan sebagai kesalahan jenayah yang boleh ditangkap (*seizable offence*) di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 [Akta 521] yang dibaca bersama peruntukan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] serta undang-undang bertulis yang lain. Namun, kes keganasan rumah tangga tidak diklasifikasikan sebagai kesalahan matrimonial.

Akta 521 telah mula dikuatkuasa pada 1 Jun 1996 yang terpakai kepada semua orang dalam Malaysia tanpa mengira jantina, bangsa, agama, warganegara bagi membendung isu keganasan rumah tangga. Akta ini menjadi medium yang memberikan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga dan ahli keluarga seperti pemberian perintah perlindungan, penempatan sementara dan lain-lain dari terus dibelenggu dengan ancaman fizikal, seksual, psikologi termasuk emosi.

Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga terbitan tahun 2015 turut dijadikan panduan oleh pegawai terlibat dalam mengendalikan sesuatu kes keganasan rumah tangga di lapangan. Mengambil kira keperluan dan kehendak semasa berikutnya peningkatan kes keganasan rumah tangga dalam kalangan masyarakat, Akta 521 telah dipinda pada tahun 2012 dan 2017. Pindaan tersebut melibatkan perluasan takrifan keganasan rumah tangga termasuklah kecederaan psikologi dan emosi selain fizikal. Selaras dengan pindaan Akta 521 pada tahun 2017, keganasan rumah tangga ertinya perlakuan mana-mana perbuatan yang berikut:

- i secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- ii menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- iii memaksa mangsa dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya yang mangsa berhak tidak melakukan;
- iv mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa;
- v melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa;
 - a dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;

- b** mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan;
- c** berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya.
- vi** menyebabkan penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi kepada mangsa;
- vii** menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau
- viii** dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Selain itu, Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order - EPO*) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan perintah perlindungan yang dikeluarkan kepada mangsa keganasan rumah tangga oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang DiBerikan Kuasa selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 3A(1).

Mengikut seksyen 2, Akta 521, pegawai penguasa bagi pengendalian kes keganasan rumah tangga adalah merujuk kepada seseorang pegawai polis atau pegawai kebajikan masyarakat. Orang dilindungi pula adalah merujuk kepada seseorang yang dilindungi di bawah perintah perlindungan iaitu:

- i** isteri atau bekas isteri (meliputi isteri atau suami *de facto* iaitu seseorang yang melalui suatu bentuk istiadat yang diiktiraf sebagai istiadat perkahwinan mengikut agama atau adat pihak berkenaan walaupun istiadat itu tidak didaftarkan atau tidak dapat didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan upacara dan pendaftaran perkahwinan);
- ii** suami atau bekas suami;
- iii** kanak-kanak (seseorang yang berumur di bawah 18 tahun yang tinggal sebagai anggota keluarga pesalah atau keluarga isteri atau suami atau bekas isteri atau suami pesalah);
- iv** orang dewasa tidak berkeupayaan (seseorang yang pada keseluruhannya atau sebahagianya tidak berkeupayaan atau lemah sebab kehilanganupayaan fizikal atau mental secara kekal atau sementara atau tidak sihat atau usia tua) yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga orang yang dikatakan telah melakukan keganasan rumah tangga itu dan termasuklah mana-mana orang yang telah dikurung atau ditahan oleh orang yang dikatakan telah melakukan keganasan rumah tangga itu; dan
- v** mana-mana anggota keluarga lain (anak lelaki atau anak perempuan dewasa, ibu atau bapa, abang, kakak, adik atau mana-mana saudara lain).

2

PERANAN AGENSI

DALAM PENGENDALIAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA



JABATAN PEGUAM NEGARA

Jabatan Peguam Negara berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i meneliti sesuatu kertas siasatan kes keganasan rumah tangga;
- ii memberikan nasihat berhubung penyiasatan dan pertuduhan kes-kes keganasan rumah tangga;
- iii mengendalikan pendakwaan kes-kes keganasan rumah tangga di mahkamah; dan
- iv membantu mangsa mendapatkan perintah perlindungan mengikut peruntukan di bawah Akta 521 ketika pertuduhan dibuat atau semasa kes dikompaun.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia berperanan menyediakan perkhidmatan yang merangkumi hospital dan klinik kesihatan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menyediakan perkhidmatan *One Stop Crisis Centre (OSCC)* yang beroperasi 24 jam di semua jabatan kecemasan di hospital kerajaan bagi tujuan pemeriksaan, rawatan perubatan, pengurusan bahan bukti dan pelaporan sebagai bukti kes kepada PDRM dan menyediakan laporan perubatan terhadap sesuatu kes (jika perlu);
- ii menyediakan perkhidmatan di klinik kesihatan iaitu membuat pengesanan, memberi intervensi awal (rawatan) serta merujuk segera kes-kes penderaan dan keganasan rumah tangga ke hospital berdekatan atau agensi yang berkaitan (jika perlu);
- iii menyediakan perkhidmatan kaunseling oleh pegawai psikologi KKM, agensi lain atau NGO bagi setiap kes keganasan rumah tangga yang direkodkan di OSCC (sekurang-kurangnya dirujuk untuk sesi kaunseling sebelum discaj dari OSCC jika perlu);

- iv mengemaskini serta menambahbaik proses dan prosedur Buku Panduan OSCC bagi pemeriksaan dan penilaian aspek penderaan fizikal, emosi, seksual dan psikologi termasuk pengurusan bahan bukti dan pelaporan sebagai bukti kes;
- v menjalankan program kesedaran keganasan rumah tangga kepada pesakit dan ahli keluarga yang menerima perkhidmatan di klinik kesihatan;
- vi mempromosi pembangunan institusi keluarga yang sihat dan berkualiti termasuk program kesihatan reproduktif;
- vii memupuk kesihatan mental yang baik dan mengenal pasti faktor risiko yang berkaitan bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan kesejahteraan mental mangsa;
- viii memastikan pegawai perubatan yang bertanggungjawab menjadi saksi perbicaraan di mahkamah (jika perlu);
- ix melatih anggota kesihatan dan ‘first-line responders’ bagi pengesanan awal kes keganasan rumah tangga dan rujukan kes ke OSCC; dan
- x merekodkan data kes keganasan rumah tangga.



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai pegawai penguat kuasa adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara berikut :

- i menjelaskan kepada mangsa mengenai hak mendapatkan perlindungan;
- ii mengeluarkan EPO oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa;
- iii membantu mangsa keganasan rumah tangga untuk memfailkan permohonan Perintah Perlindungan Interim (*Interim Protection Order - IPO*) dan Perintah Perlindungan (*Protection Order - PO*);
- iv membantu memfailkan permohonan EPO, IPO atau PO bagi pihak kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan;
- v merujuk mangsa kanak-kanak kepada Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;
- vi menyediakan tempat selamat untuk mangsa (jika perlu);
- vii menyediakan atau mengaturkan pengangkutan untuk mangsa ke kediaman alternatif, tempat selamat atau tempat berlindung (jika perlu);
- viii mengatur pengangkutan bagi mangsa ke hospital atau tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan (jika perlu);
- ix menemangkan mangsa ke kediaman mangsa atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya (jika perlu);
- x menyediakan khidmat kaunseling dan nasihat;
- xi menyelaras dan melaksana Program Pemulihan;
- xii merujuk mangsa kepada agensi lain yang berkaitan (jika perlu);
- xiii mempertimbangkan bantuan kewangan untuk mangsa (jika perlu); dan
- xiv merekodkan data kes keganasan rumah tangga.

POLIS DIRAJA MALAYSIA

Polis Diraja Malaysia sebagai pegawai penguasa adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menjelaskan kepada mangsa mengenai hak mendapatkan perlindungan;
- ii membantu mangsa untuk memfailkan permohonan IPO secara *ex-parte* dan PO di mahkamah;
- iii membantu memfailkan permohonan PO di mahkamah bagi pihak kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak berkeupayaan;
- iv menjalankan kuasa penangkapan di bawah Akta 521 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- v mengeluarkan atau mengawasi orang yang dikeluarkan dari kediaman bersama jika mahkamah telah mengeluarkan perintah pemberian hak penghunian eksklusif kepada orang yang dilindungi di kediaman bersama atau bahagian tertentu kediaman bersama;
- vi menyampaikan perintah perlindungan kepada pesalah dan memfailkan bukti penyampaian kepada mahkamah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penyampaian;
- vii membuat permohonan bertulis kepada mahkamah bagi sesuatu penyampaian ganti perintah perlindungan;
- viii menyampaikan maklumat status siasatan kepada mangsa;
- ix menyediakan atau mengaturkan pengangkutan untuk mangsa ke kediaman alternatif, tempat selamat atau tempat berlindung (jika perlu);
- x mengatur pengangkutan untuk mangsa ke hospital atau tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan (jika perlu);
- xi menemangkan mangsa ke kediaman mangsa atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya (jika perlu);
- xii merujuk mangsa kepada agensi lain yang berkaitan (jika perlu); dan
- xiii merekodkan data kes keganasan rumah tangga.

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

Mahkamah yang menerima permohonan melalui sistem e-Kehakiman adalah berperanan dalam mempertimbangkan perkara-perkara yang berikut :

- i mengeluarkan IPO dan PO¹;
- ii menyertakan kuasa menangkap (jika perlu) untuk IPO dan PO sekiranya pesalah berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan fizikal kepada mana-mana orang yang dilindungi²;
- iii memperbaharui perintah-perintah apabila Perintah Perlindungan dilanggar³;
- iv memberikan apa-apa pampasan kepada mangsa yang membuat tuntutan di mahkamah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 10, Akta 521 atau mana-mana peruntukan undang-undang Malaysia tertakluk kepada penilaian kehakiman (*Judicial Scrutiny*) dengan mengambil kira perkara-perkara yang berikut :
 - a kesakitan dan penderitaan mangsa, jenis dan tahap kecederaan fizikal;
 - b penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi yang dialami;
 - c kerosakan harta; atau/ dan
 - d kerugian kewangan.
- v merekodkan data IPO dan PO yang dikeluarkan.

1 Pengeluaran IPO dan PO adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 4 dan Seksyen 5, Akta 521 bagi kes-kes di bawah Kanun Keseksaan di mana kesalahan yang dilakukan termasuk dalam takrif 'kes keganasan rumah tangga'. IPO boleh dipohon sementara menunggu penyiasatan oleh pihak polis manakala PO boleh diminta dalam mana-mana prosiding jenayah.

2 Seksyen 7, Akta 521 – Kuasa Penangkapan memperuntukkan kuasa menangkap tanpa waran kepada pihak polis sekiranya orang yang terhadapnya perintah dibuat berkemungkinan mendatangkan kecederaan fizikal kepada orang yang dilindungi. Tindakan memasukkan kuasa menangkap diletakkan di bawah bidang kuasa budi bicara majistret yang akan mengkaji hal dan keadaan kes sebelum membuat perintah yang bersesuaian.

3 Seksyen 9, Akta 521 – Membuat atau Memperbaharui Perintah Apabila Perintah Perlindungan Dilanggar memperuntukkan bawaan mahkamah boleh memperbaharui PO sekiranya dilanggar.

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA/ JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri secara umumnya berperanan dalam perkara-perkara yang berikut :

- i mengurus hal ehwal Islam berkaitan pembangunan insitusi kekeluargaan dan masyarakat Islam;
- ii menyediakan tempat berlindung sementara bagi mangsa keganasan rumah tangga di masjid/ premis yang menyediakan perkhidmatan tersebut;
- iii menyediakan khidmat kaunseling atau runding cara keluarga; dan
- iv mempromosi pembangunan institusi kekeluargaan dan masyarakat Islam.

JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

Jabatan Pembangunan Wanita adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menyediakan program pembangunan kapasiti, kemahiran, kewangan dan kesaksamaan bagi golongan wanita termasuk mangsa keganasan rumah tangga;
- ii menjalankan advokasi berkaitan keganasan terhadap wanita;
- iii membantu menyediakan tempat berlindung bagi mangsa keganasan rumah tangga; dan
- iv menyediakan khidmat nasihat atau kaunseling berkaitan pemerkasaan wanita.

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menyediakan program pendidikan dan latihan kekeluargaan merangkumi aspek kemahiran keibubapaan, kewangan, kesihatan reproduktif dan sosial dan bantuan sokongan keluarga lain termasuk advokasi keganasan rumah tangga; dan
- ii menyediakan khidmat kaunseling atau nasihat berkaitan keluarga dan perkahwinan.

JABATAN BANTUAN GUAMAN

Jabatan Bantuan Guaman adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menyediakan khidmat nasihat guaman kepada semua warganegara Malaysia termasuk perkara berkaitan keganasan rumah tangga;
- ii menyediakan khidmat bantuan guaman dan mewakili mereka yang layak dalam prosiding jenayah, sivil dan syariah di mahkamah mengikut peruntukan Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26]; dan
- iii menyediakan khidmat pendamping guaman kepada mangsa jenayah seksual kanak-kanak.

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

Yayasan Kebajikan Negara adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menyediakan perkhidmatan psikososial kepada kumpulan sasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU); dan
- ii menyediakan tempat rujukan setempat untuk mengemukakan aduan dan pertanyaan, memperoleh maklumat, mendapatkan khidmat kaunseling dan nasihat serta tempat berlindung sementara.

LEMBAGA KAUNSELOR MALAYSIA

Lembaga Kaunselor Malaysia adalah berperanan dalam menyelaras perkhidmatan psikososial oleh sukarelawan kaunselor berdaftar kepada masyarakat melalui khidmat kaunseling yang disediakan menerusi Talian Kasih 15999 KPWKM, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) dan intervensi psikososial di lapangan semasa krisis.



JABATAN WANITA DAN KELUARGA SARAWAK

Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menyediakan dan menyalurkan maklumat kepada orang awam mengenai isu keganasan rumah tangga;
- ii melaksanakan kursus advokasi, pencegahan dan kesedaran dengan kerjasama agensi-agensi terlibat serta NGO;
- iii menyediakan khidmat nasihat, kaunseling dan maklumat prosedur undang-undang agensi terlibat menerusi Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) *Helpline*;
- iv membantu mangsa untuk memfailkan permohonan IPO atau PO dan tempat berlindung di Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS);
- v membantu mangsa mendapatkan rawatan di hospital atau tempat kemudahan perubatan yang terdekat (jika perlu); dan
- vi merekodkan data kes keganasan rumah tangga.

JABATAN HAL EHWAL WANITA SABAH


Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah adalah berperanan dalam melaksanakan perkara-perkara yang berikut :

- i menyediakan perkhidmatan bantuan guaman melalui Pusat Bantuan Guaman Wanita Sabah kepada golongan wanita yang tergolong dalam kategori kurang berkemampuan serta dalam lingkungan B40. Perkhidmatan ini merangkumi mewakili di mahkamah sivil, syariah atau anak negeri serta bantuan khidmat nasihat atau medias;
- ii melaksanakan program dan aktiviti kesedaran undang-undang serta motivasi berkaitan kewanitaan;
- iii menyediakan rumah perlindungan sementara kepada golongan wanita yang memerlukan tempat berlindung dan bantuan tempat tinggal secara sukarela; dan
- iv merekodkan data kes keganasan rumah tangga.

3

PROSEDUR DAN PROSES KERJA

BAGI PENGENDALIAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA



SENARAI PERKHIDMATAN UTAMA YANG DISEDIAKAN BAGI KES KEGANASAN RUMAH TANGGA



PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN (EPO)

- 1 Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order - EPO*) mula dilaksanakan pada tahun 2018 selaras dengan pindaan peruntukan di bawah Akta 521 pada tahun 2017.
- 2 EPO boleh dimohon oleh mangsa pada bila-bila masa untuk memberikan perlindungan dalam tempoh bertenang “cooling period” bagi kedua-dua pihak mengikut takrifan keganasan rumah tangga di bawah seksyen 2, Akta 521.
- 3 EPO dikeluarkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa di bawah peruntukan seksyen 2(a) atau 2(b):
 - a secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal; atau
 - b menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal.
- 4 Permohonan EPO adalah secara *ex-parte*⁴ oleh:
 - i mangsa;
 - ii peguam mangsa; atau
 - iii penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak berkeupayaan atau pegawai kebajikan masyarakat selain Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa.
- 5 Permohonan EPO dibuat di mana-mana daerah⁵:

⁴ Seksyen 3A(3), Akta 521 – Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan siapa boleh membuat permohonan secara *ex-parte*.

⁵ Seksyen 3A(4), Akta 521 – Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan tempat permohonan EPO boleh dibuat.

- i mangsa itu tinggal;
 - ii orang yang terhadapnya perlindungan itu diminta tinggal;
 - iii tempat keganasan rumah tangga berlaku; atau
 - iv mangsa ditempatkan buat sementara.
- 6 Dokumen yang diperlukan bagi permohonan EPO adalah :
 - i salinan kad pengenalan mangsa dan ahli keluarga yang memerlukan perlindungan dan Borang 1: Seksyen 3A Peraturan-peraturan Keganasan Rumah Tangga (Borang Yang Ditetapkan) 2018 bagi warganegara.
 - ii salinan dokumen perjalanan dan pengenalan diri mangsa dan ahli keluarga yang memerlukan perlindungan dan Borang 1: Seksyen 3A Peraturan-peraturan Keganasan Rumah Tangga (Borang Yang Ditetapkan) 2018 bagi bukan warganegara.
 - 7 Laporan polis tidak diperlukan bagi permohonan EPO⁶.
 - 8 Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa boleh mengeluarkan satu atau lebih perintah⁷ seperti yang berikut :
 - i menghalang pelaku daripada menggunakan keganasan terhadap isteri atau suami atau bekas isteri atau suaminya, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota keluarga lain yang berkenaan;
 - ii melarang pelaku menghasut orang lain untuk melakukan keganasan terhadap isteri atau suami atau bekas isteri atau suaminya, kanak-kanak,

⁶ Seksyen 3A(6), Akta 521 – Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan bahawa laporan polis tidak dikehendaki bagi permohonan EPO.

⁷ Seksyen 3A(7), Akta 521 – Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan bahawa pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa dalam membuat perintah perlindungan kecemasan di bawah seksyen 3(A) (1) boleh mengeluarkan satu atau lebih perintah.

- orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota keluarga lain yang berkenaan; dan
- iii melarang pelaku memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif mana-mana orang yang dilindungi.
- 9 EPO sah selama tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeluaran perintah dan berkuatkuasa apabila salinan perintah disampaikan kepada pelaku⁸.
- 10 EPO yang dikeluarkan tidak terjejas dengan pengeluaran IPO atau PO yang telah dibuat sebelum itu atau permohonan IPO dan PO yang masih belum selesai⁹.
- 11 Salinan EPO perlu dikemukakan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa kepada pegawai polis di daerah pelaku itu tinggal dalam masa 10 jam selepas EPO itu dikeluarkan untuk disampaikan kepada pelaku¹⁰.
- 12 Salinan EPO perlu disampaikan secara ke diri kepada pelaku, jika boleh dilaksanakan, dalam tempoh 12 jam selepas perintah itu diterima oleh pegawai polis¹¹.
- 13 Jika salinan perintah tidak dapat disampaikan secara ke diri dalam tempoh 12 jam, penyampaian perintah perlu dilaksanakan¹²:

⁸ Seksyen 3A(8) dan 3B, Akta 521 – Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan suatu perintah perlindungan kecemasan hendaklah sah selama tempoh tujuh hari dari tarikh pengeluaran perintah itu, dan berkuatkuasa apabila suatu salinan perintah itu disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat mengikut seksyen 3B.

⁹ Seksyen 3A(9), Akta 521 – Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan Perintah Perlindungan Kecemasan yang dikeluarkan tidak terjejas dengan pengeluaran suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan.

¹⁰ Seksyen 3B(1), Akta 521 – Penyampaian Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan bahawa pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa yang mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan di bawah subseksyen 3A(1) hendaklah mengemukakan suatu salinan perintah itu, jika boleh dilaksanakan dalam masa sepuluh jam selepas perintah perlindungan kecemasan itu dikeluarkan, kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tinggal atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya.

¹¹ Seksyen 3B(2), Akta 521 – Penyampaian Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan bahawa pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis itu atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut Keganasan Rumah Tangga 13 dalam subseksyen (1) hendaklah menyampaikan secara ke diri salinan perintah perlindungan kecemasan itu kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, jika boleh dilaksanakan, dalam masa dua belas jam selepas salinan perintah itu diterima.

¹² Seksyen 3C, Akta 521 – Penyampaian Ganti bagi Perintah Perlindungan Kecemasan.

- i meninggalkan salinan perintah itu di alamat pelaku yang terakhir diketahui; atau
 - ii apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa.
- 14 Bukti penyampaian salinan perintah yang dilaksanakan mengikut seksyen 3B atau 3C perlu difailkan oleh pegawai polis dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa serta memaklumkan penyampaian yang telah dilaksanakan kepada mangsa dalam tempoh 12 jam selepas penyampaian itu¹³.
- 15 Pelanggaran perintah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya. Bagi pelanggaran yang menggunakan keganasan ke atas orang yang dilindungi boleh dikenakan denda tidak melebihi RM4,000.00 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya. Pelanggaran kali kedua atau seterusnya akan dipenjarakan tidak kurang daripada 72 jam dan tidak melebihi dua (2) tahun serta boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00¹⁴.
- 16 Pengeluaran EPO perlu direkodkan dengan maklumat berikut¹⁵:
- i nama, jantina dan hubungan;
 - ii jenis keganasan rumah tangga sama ada melibatkan senjata atau mengakibatkan kecederaan diri dan kecederaan yang memerlukan rawatan perubatan; dan
 - iii tarikh kuat kuasa dan terma setiap perintah yang dikeluarkan.

¹³ Seksyen 3D, Akta 521 – Bukti Penyampaian Perintah Perlindungan


¹⁴ Seksyen 3E, Akta 521 – Pelanggaran Perintah Perlindungan Kecemasan

¹⁵ Seksyen 3F, Akta 521 – Rekod Permohonan dan Perintah Perlindungan Kecemasan memperuntukkan pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa hendaklah menyenggarakan suatu rekod mengenai segala permohonan bagi perintah perlindungan kecemasan dan perintah perlindungan kecemasan yang dikeluarkan oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa itu di bawah Akta ini.

PROSES KERJA PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
1	<p>Terima permohonan daripada mangsa atau peguam mangsa.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bagi kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan permohonan boleh dibuat oleh penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan tersebut atau Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa. Bagi kes yang mengalami kecederaan serius yang mengancam nyawa, mangsa perlu dibawa ke mana-mana pusat rawatan perubatan berdekatan dengan kadar segera. 		Subseksyen 3A(3) Akta 521
2	<p>Daftar permohonan EPO dengan mendapatkan dokumen berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> warganegara - salinan kad pengenalan mangsa dan ahli keluarga yang memerlukan perlindungan dan Borang 1: Seksyen 3A Peraturan-peraturan Keganasan Rumah Tangga (Borang Yang Ditetapkan) 2018; atau bukan warganegara - salinan dokumen perjalanan dan pengenalan diri mangsa dan ahli keluarga yang memerlukan perlindungan dan Borang 1: Seksyen 3A Peraturan-peraturan Keganasan Rumah Tangga (Borang Yang Ditetapkan) 2018 	JKM	Prosedur Operasi Standard Pengurusan Kes Keganasan Rumah Tangga JKM
3	Jalankan siasatan, dapatkan bukti dan rakam percakapan mangsa.		Subseksyen 3A(5) Akta 521
4	Sediakan borang EPO dan Borang Maklumat Mangsa jika EPO boleh dikeluarkan.		Subseksyen 3A(5) Akta 521

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
5	Serah salinan EPO oleh JKM kepada PDRM di mana pelaku tinggal.	JKM	Subseksyen 3B(1) Akta 521
6	Serah salinan EPO oleh PDRM kepada pelaku.		Subseksyen 3B(2) Akta 521
7	Buat penyampaian ganti EPO yang tidak dapat disampaikan secara ke diri kepada pelaku dengan cara : <ol style="list-style-type: none"> meninggalkan salinan perintah di alamat pelaku yang terakhir diketahui; atau apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Yang Diberi Kuasa. 	PDRM	Seksyen 3C Akta 521
8	Fail bukti penyampaian salinan perintah EPO dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat dan memaklumkan penyampaian kepada mangsa dalam tempoh 12 jam selepas penyampaian.		Seksyen 3B, 3C dan 3D Akta 521
9	Rekod pengeluaran, penyampaian ganti dan pelanggaran (jika ada).	Pegawai Penguat Kuasa (JKM/ PDRM)	Seksyen 3F Akta 521



PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM (IPO)

- 1 Perintah Perlindungan Interim (*Interim Protection Order - IPO*) adalah perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah tertakluk kepada penilaian kehakiman (*Judicial scrutiny*) sementara menunggu penyiasatan berhubung perlakuan kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga¹⁶.
- 2 IPO dikeluarkan untuk menghalang pelaku dari menggunakan keganasan terhadap orang yang dilindungi.
- 3 IPO boleh dimohon secara *ex parte* melalui sistem e-Kehakiman oleh¹⁷:
 - i mangsa;
 - ii peguam mangsa;
 - iii pegawai kebijakan masyarakat bagi pihak mangsa; atau
 - iv penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak berkeupayaan atau pegawai penguat kuasa.
- 4 Dokumen yang diperlukan untuk permohonan IPO :
 - i salinan kad pengenalan mangsa;
 - ii salinan surat beranak/ kad pengenalan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan;

¹⁶ Seksyen 4(1), Akta 521 – Perintah Perlindungan Interim memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh, sementara menunggu penyiasatan berhubungan dengan perlakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga, mengeluarkan perintah perlindungan interim yang menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap isteri atau suami atau bekas isteri atau suaminya atau kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu.

¹⁷ Seksyen 12 (A), Akta 521 – Permohonan Ex-Parte bagi Perintah Perlindungan Interim memperuntukkan siapa boleh membuat permohonan IPO secara *ex parte*.

- iii laporan polis;
 - iv surat pengesahan oleh pihak polis kes dalam siasatan;
 - v surat iringan agensi memohon IPO kepada majistret;
- 5 IPO terhenti berkuat kuasa apabila¹⁸:
- i orang dilindungi dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis tentang penyiasatan yang telah selesai dan tiada tindakan selanjutnya akan diambil terhadap pelaku;
 - ii prosiding jenayah dimulakan terhadap pelaku, dan dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa prosiding jenayah berhubung kesalahan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap pelaku, tiada permohonan bagi perintah perlindungan dibuat oleh orang dilindungi dalam masa tujuh (7) hari selepas dimaklumkan sedemikian; atau
 - iii permohonan perintah perlindungan ditentukan oleh mahkamah dan dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa prosiding jenayah berhubung kesalahan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap pelaku, permohonan bagi perintah perlindungan dibuat oleh orang dilindungi dalam masa tujuh (7) hari selepas dimaklumkan sedemikian.
- 6 Larangan kepada pelaku dari menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap orang dilindungi telah diperuntukkan di bawah subseksyen 4(3), Akta 521.
- 7 Perintah yang boleh dimasukkan dalam IPO adalah seperti yang berikut¹⁹:
- i pemberian hak penghunian eksklusif kepada orang dilindungi di kediaman bersama dengan mengeluarkan pelaku walaupun kediaman bersama

¹⁸ Seksyen 4(4), Akta 521 – Perintah Perlindungan Interim memperuntukkan tempoh IPO boleh terhenti berkuatkuasa.

¹⁹ Seksyen 6, Akta 521 – Perintah Yang Boleh Dimasukkan dalam Perintah Perlindungan memperuntukkan perintah yang boleh dimasukkan dalam perintah perlindungan.

- dipunyai atau disewa oleh pelaku atau secara bersama;
 - ii melarang atau menyekat pelaku daripada :
 - a masuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman atau kediaman bersama atau kediaman alternatif, tempat kerja atau sekolah atau mana-mana institusi lain yang mana-mana orang dilindungi ditempatkan;
 - b menghampiri orang dilindungi pada jarak sekurang-kurangnya 50 meter atau jarak yang munasabah oleh mahkamah; dan
 - c membuat hubungan diri dengan orang dilindungi tanpa kehadiran pegawai penguat kuasa atau seorang lain yang dinyatakan dalam perintah.
 - iii membenarkan orang dilindungi masuki kediaman bersama atau kediaman pelaku dengan ditemani oleh pegawai penguat kuasa untuk mengambil barang kepunyaan atau orang dilindungi;
 - iv mengelakkan dan mengehadkan pelaku daripada membuat perhubungan melalui apa-apa cara dengan orang dilindungi;
 - v membenarkan orang dilindungi terus menggunakan kenderaan yang biasa digunakan; dan
 - vi pemberian apa-apa arahan lain.
- 8 Permohonan IPO boleh dibuat di mana-mana daerah²⁰:
- i mangsa itu tinggal;
 - ii orang yang terhadapnya perlindungan itu diminta tinggal;

²⁰ Seksyen 14, Akta 521 – Memfailkan Permohonan memperuntukkan lokasi yang IPO boleh difailkan.

- iii tempat keganasan rumah tangga berlaku; atau
 - iv mangsa ditempatkan buat sementara.
- 9 Permohonan dan pengeluaran IPO perlu direkodkan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah dengan maklumat berikut²¹:
- i nama, jantina dan hubungan;
 - ii jenis keganasan rumah tangga sama ada melibatkan senjata atau mengakibatkan kecederaan diri dan kecederaan yang memerlukan rawatan perubatan; dan
 - iii tarikh kuat kuasa dan terma setiap perintah yang dikeluarkan.
- 10 Salinan IPO perlu dikemukakan oleh mahkamah kepada pegawai polis bagi daerah pelaku tinggal dalam tempoh 24 jam pengeluaran IPO.
- 11 Bukti penyampaian salinan IPO yang dilaksanakan perlu difailkan oleh pegawai polis di mahkamah serta memaklumkan penyampaian yang telah dilaksanakan kepada mangsa dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penyampaian itu.
- 12 Jika salinan perintah tidak dapat disampaikan selepas tiga (3) kali cubaan, permohonan penyampaian ganti perintah secara bertulis perlu dibuat oleh pegawai polis kepada mahkamah²².
- 13 Mahkamah perlu membuat perintah bagi penyampaian ganti IPO seperti yang berikut:
- i meninggalkan salinan perintah itu di alamat pelaku yang terakhir diketahui;

21 Seksyen 16, Akta 521 – Rekod Permohonan dan Perintah memperuntukkan bahawa keperluan menyelengara rekod semua permohonan dan pengeluaran perintah yang dikeluarkan.

22 Seksyen 17A (1), Akta 521 – Penyampaian Ganti memperuntukkan bahawa sekiranya pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam seksyen 17 tidak dapat menyampaikan salinan perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu kepada pesalah itu sendiri selepas tiga kali cubaan, pegawai yang berkenaan hendaklah dengan serta-merta membuat permohonan bertulis kepada mahkamah bagi suatu perintah penyampaian ganti perintah itu.

- ii menampalkan salinan perintah di papan notis mahkamah; atau
 - iii apa-apa cara lain yang diarahkan oleh mahkamah.
- 14 Penyampaian ganti perlu dimaklumkan kepada mangsa oleh mahkamah²³.
- 15 Pelanggaran perintah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya. Bagi pelanggaran yang menggunakan keganasan ke atas orang yang dilindungi juga boleh dikenakan denda tidak melebihi RM4,000.00 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya. Pelanggaran kali kedua atau seterusnya akan dipenjarakan tidak kurang daripada 72 jam dan tidak melebihi dua (2) tahun serta boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00²⁴.
- 16 Mahkamah boleh membuat atau memperbaharui perintah apabila IPO dilanggar dengan menambah mana-mana penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8²⁵.
- 17 Permohonan untuk mengetepikan IPO boleh dibuat oleh pelaku dalam masa 14 hari dari tarikh perintah disampaikan²⁶.

23 Seksyen 17A(4), Akta 521 – Penyampaian Ganti memperuntukkan bahawa penyampaian ganti yang dilaksanakan hendaklah dimaklumkan kepada mangsa oleh mahkamah secepat yang dapat dilaksanakan.

24 Seksyen 8 (1) (2) dan (3), Akta 521 – Pelanggaran Perintah Perlindungan memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang bersengaja melanggar suatu perintah perlindungan atau mana-mana peruntukannya melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Mana-mana orang yang bersengaja melanggar suatu perintah perlindungan dengan menggunakan keganasan ke atas orang dilindungi boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Mana-mana orang yang disabitkan atas pelanggaran kali kedua atau kemudiannya akan sesuatu perintah perlindungan di bawah subseksyen (2) hendaklah dihukum dengan pemerjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh puluh dua jam dan tidak lebih daripada dua tahun, dan boleh juga didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.


25 Seksyen 9, Akta 521 – Membuat Atau Memperbaharui Perintah Apabila Perintah Perlindungan Dilanggar memperuntukkan bahawa jika seseorang yang terhadapnya suatu perintah perlindungan telah dibuat melanggar perintah perlindungan itu, maka mahkamah boleh sebagai tambahan kepada mana-mana penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8, membuat atau membuat semula mengikut mana-mana yang berkenaan, mana-mana satu atau lebih perintah di bawah subseksyen 6(1), untuk mula berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam perintah baru itu.

26 Seksyen 12B, Akta 521 – Mengetepikan Perintah Perlindungan Interim memperuntukkan bahawa orang yang terhadapnya perintah perlindungan interim itu dibuat boleh memohon untuk mengetepikan perintah itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu disampaikan.

PROSES KERJA PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Membuat Laporan Polis			
1	Terima aduan daripada mangsa. Nota: <ul style="list-style-type: none">Mangsa dirujuk untuk membuat laporan polis (jika terus ke JKM atau agensi lain).Mangsa yang dirujuk oleh pegawai polis untuk mendapatkan rawatan perubatan di hospital boleh mendapatkan laporan pemeriksaan perubatan tanpa dikenakan sebarang bayaran.Pegawai penguat kuasa perlu memaklumkan hak mangsa dan proses untuk mendapatkan IPO di bawah Akta 521.	PDRM	Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) <i>First Information Report (FIR)</i> Subseksyen 19(1) Akta 521
2	Hantar/ atur mangsa yang mengalami kecederaan atau memerlukan perkhidmatan psikologi ke pusat perubatan kerajaan (jika perlu). Nota: <ul style="list-style-type: none">Rujuk mangsa yang disyaki mengalami penderaan psikologi/ emosi ke hospital atau tempat kemudahan perubatan terdekat yang mempunyai kaunselor berdaftar atau pakar psikiatri bertauliah.Kaunselor berdaftar dan pakar psikiatri perlu menyediakan laporan kepada mangsa dan pegawai polis.	Pegawai Penguat Kuasa (JKM/ PDRM)	Pol 59 (permintaan pemeriksaan doktor bagi orang yang terlibat dalam kes polis) Subseksyen 19 (1) Akta 521
3	Klasifikasi laporan polis mengikut jenis kesalahan.		Jadual Pertama KTJ
4	Temubual pengadu/ mangsa dengan serta-merta dan rakam percakapannya. Nota: <ul style="list-style-type: none">Maklumkan kepada mangsa mengenai proses keadilan jenayah (<i>criminal justice procedures</i>).		Seksyen 112 KTJ
5	Klasifikasi kes. Nota: <ul style="list-style-type: none">Waran tidak diperlukan kerana kesalahan keganasan rumah tangga adalah kesalahan boleh tangkap.	PDRM	Seksyen 18A Akta 521
6	Buka kertas siasatan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Jika terdapat unsur kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.		Seksyen 108 KTJ

CARTA ALIR



BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Permohonan IPO			
1	Terima permohonan IPO daripada mangsa dengan dokumen-dokumen berikut: i. salinan laporan polis pengadu/mangsa; ii. surat pengesahan kes dalam siasatan polis; iii. salinan kad pengenalan mangsa; dan iv. salinan surat beranak/kad pengenalan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Rujuk mangsa ke JKM atau agensi berkaitan jika memerlukan perkhidmatan lain.	Pegawai Penguatan Kuasa (JKM/ PDRM)	Subseksyen 19 (1)(A) Akta 521
2	Sediakan dokumen untuk failkan permohonan IPO.		Seksyen 2, Subseksyen 19 (1) & Seksyen 14 Akta 521
3	Bantu mangsa ke mahkamah untuk failkan IPO.		Seksyen 4 & Subseksyen 19 (1)(A) Akta 521

CARTA ALIR**Permohonan IPO****Terima permohonan****Sedia dokumen untuk failkan permohonan IPO****Bantu mangsa ke mahkamah untuk failkan permohonan IPO**

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Pengeluaran IPO			
1	Terima dan daftar permohonan IPO melalui sistem e-Kehakiman.		-
2	Dengar permohonan di Mahkamah Terbuka dengan dibantu oleh pegawai penguat kuasa. Nota: <ul style="list-style-type: none">Prosiding boleh dilakukan dalam Mahkamah Tertutup (<i>in camera</i>) atas permohonan pihak berkaitan (jika perlu).	Mahkamah	-
3	Semak syarat-syarat sekatan yang diperlukan bagi pengeluaran IPO.	Pegawai Penguatan Kuasa (JKM/ PDRM)	-
4	Sediakan IPO.		-
5	Serah IPO kepada mangsa dan salinan IPO kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana pelaku itu tinggal atau mana-mana pegawai polis di bawah perintahnya. Nota: <ul style="list-style-type: none">Serahan kepada pelaku dibuat dalam tempoh 24 jam selepas IPO dikeluarkan.	Mahkamah	Seksyen 17 Akta 521
6	Rekod dan fail keputusan mahkamah termasuk salinan IPO.	Pegawai Penguatan Kuasa (JKM/ PDRM)	Seksyen 16 Akta 521

CARTA ALIR**Pengeluaran IPO**

Terima dan daftar permohonan IPO

Dengar permohonan di Mahkamah Terbuka

Semak syarat sekatan yang diperlukan

Sedia IPO

Serah salinan IPO kepada PDRM dan IPO kepada mangsa

Rekod dan fail

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Penyampaian / Penyampaian Ganti IPO kepada Pelaku			
1	Serah salinan IPO kepada pelaku serta maklumkan kepada mangsa dan mahkamah.	PDRM (Ketua Polis Daerah)	Seksyen 17 Akta 521
2	Mohon perintah penyampaian ganti IPO secara bertulis dengan serta-merta kepada mahkamah. Nota: <ul style="list-style-type: none">Jika tidak dapat menyampaikan salinan IPO kepada pelaku selepas 3 kali cubaan dan maklumkan mangsa mengenai penyampaian ganti yang dibuat.	PDRM	Subseksyen 17A (1) Akta 521
3	Keluarkan perintah bagi penyampaian ganti IPO apabila menerima permohonan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Maklumkan perintah penyampaian ganti kepada mangsa dengan secepat mungkin.	Mahkamah	Subseksyen 17A (2) & (4) Akta 521

CARTA ALIR**Penyampaian / Penyampaian Ganti IPO kepada Pelaku**

PDRM serah salinan kepada pelaku

Jika tidak terima selepas 3 kali percubaan

PDRM mohon perintah penyampaian ganti

Mahkamah keluarkan perintah penyampaian ganti IPO

Maklum kepada mangsa

Rekod dan fail

Jika terima

PDRM maklumkan kepada mangsa dan mahkamah

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Pelanggaran dan Pembaharuan IPO			
1	Semak jika IPO masih sah dan telah disampaikan kepada pelaku.	PDRM	-
2	Buka kertas siasatan berasingan ke atas kesalahan pelanggaran IPO.		-
3	Rujuk arahan mengemukakan pelaku di mahkamah daripada Timbalan Pendakwa Raya. Nota: <ul style="list-style-type: none">Sebelum setiap prosiding jatuh hukum, Timbalan Pendakwa Raya perlu memastikan kenyataan impak mangsa disediakan.	Mahkamah/ Timbalan Pendakwa Raya/ PDRM	-
4	Perbaharui IPO sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan.	Mahkamah	Subseksyen 6 (1) & seksyen 9 Akta 521
5	Senggara rekod berkaitan aduan yang difaiklan dan perintah yang dikeluarkan.		Seksyen 16 Akta 521

CARTA ALIR**Pelanggaran dan Pembaharuan IPO**

PDRM semak jika IPO masih sah dan telah disampaikan kepada pelaku

Buka kertas siasatan kesalahan pelanggaran

Rujuk arahan TPR kemuka pelaku di mahkamah

Perbaharui IPO dan penalti

Rekod dan fail

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Mengetepikan IPO			
1	Terima dan daftar Notis Permohonan mengetepikan IPO daripada pelaku. Nota: <ul style="list-style-type: none">Failkan Notis Permohonan di mahkamah dengan affidavit dalam tempoh 14 hari dari tarikh IPO diterima.Permohonan mengetepikan IPO didengar di Mahkamah Terbuka.Jika permohonan dibenarkan, IPO dibatalkan dan sebaliknya, jika permohonan ditolak, IPO dikenakan.Rayuan terhadap keputusan boleh dibuat dengan memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Tinggi.	Mahkamah	-
2	Terima dan daftar Notis Permohonan Rayuan daripada pelaku untuk mengetepikan IPO (jika ada). Nota: <ul style="list-style-type: none">Rayuan IPO didengar di Mahkamah Tinggi dalam Mahkamah Terbuka.Jika rayuan dibenarkan, IPO dibatalkan dan sebaliknya, jika rayuan ditolak, IPO dikenakan.		-

CARTA ALIR**Mengetepikan IPO**

Mahkamah terima dan daftar Notis Permohonan

Kelulusan ketepikan IPO

Tidak lulus (IPO dikenakan)

Lulus

IPO dibatalkan

Terima dan daftar Notis
Permohonan Rayuan

Kelulusan Rayuan

Lulus

IPO dibatalkan

Tidak lulus (IPO dikenakan)

PERINTAH PERLINDUNGAN (PO)

- 1 Perintah Perlindungan (*Protection Order - PO*) adalah perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah bagi sesuatu permohonan yang melibatkan aduan keganasan rumah tangga untuk mengeluarkan mana-mana satu (1) atau lebih perintah yang berikut :
 - i menghalang pelaku melakukan keganasan rumah tangga terhadap mangsa, kanak-kanak dan orang dewasa tidak berkeupayaan; atau
 - ii menghalang pelaku menghasut mana-mana orang lain melakukan keganasan rumah tangga terhadap orang dilindungi.
- 2 Perintah lain yang boleh dimasukkan dalam PO adalah seperti yang berikut :
 - i pemberian hak penghunian eksklusif kepada orang dilindungi di kediaman bersama dengan mengeluarkan pelaku walaupun kediaman bersama dipunyai atau disewa oleh pelaku atau secara bersama;
 - ii melarang atau menyekat pelaku daripada :
 - a memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman atau kediaman bersama atau kediaman alternatif, tempat kerja atau sekolah atau mana-mana institusi lain yang mana-mana orang dilindungi ditempatkan;
 - b menghampiri orang dilindungi pada jarak sekurang-kurangnya 50 meter atau jarak yang munasabah oleh mahkamah; dan
 - c membuat hubungan diri dengan orang dilindungi tanpa kehadiran pegawai penguat kuasa atau seorang lain yang dinyatakan dalam perintah.

iii membenarkan orang dilindungi memasuki kediaman bersama atau kediaman pelaku dengan ditemani oleh pegawai penguat kuasa untuk mengambil barang kepunyaan atau orang dilindungi;

iv mengelakkan dan mengehadkan pelaku daripada membuat perhubungan melalui apa-apa cara dengan orang dilindungi;

v membenarkan orang dilindungi terus menggunakan kenderaan yang biasa digunakan; dan

vi pemberian apa-apa arahan lain.

3 PO boleh dimohon oleh²⁷:

i mangsa;

ii peguam mangsa; atau

iii seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi pihak mangsa;

iv seorang pegawai polis bagi pihak mangsa; atau

v penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak berkeupayaan atau pegawai penguat kuasa.

4 PO boleh dimohon²⁸:

²⁷ Seksyen 13A, Akta 521 – Permohonan bagi Perintah Perlindungan memperuntukkan siapa boleh memohon PO.

²⁸ Seksyen 13A, Akta 521 – Permohonan bagi Perintah Perlindungan memperuntukkan Perintah Perlindungan boleh diminta dalam masa tujuh hari selepas mangsa dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis di bawah perenggan 4(4)(b) bahawa prosiding jenayah yang berhubungan dengan pelaku suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat; atau (b) pada mana-mana peringkat prosiding jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang tertuduh itu dipertuduh dengan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga sama ada atau tidak suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan kecemasan telah diminta dan dikeluarkan terhadap tertuduh.

- i dalam tempoh tujuh (7) hari selepas mangsa dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa prosiding jenayah akan dimulakan terhadap pelaku; atau
 - ii mana-mana peringkat prosiding jenayah, pelaku dipertuduhkan dengan kesalahan keganasan rumah tangga sama ada atau tidak EPO atau IPO dimohon dan dikeluarkan terhadap pelaku.
- 5 PO juga boleh dimohon²⁹:
- i sebagai syarat untuk membebaskan pelaku dengan jaminan : atau
 - ii apabila kesalahan dalam subseksyen 13(1) dikompaun di bawah seksyen 260 Kanun Tatacara Jenayah.
- 6 Permohonan PO boleh dibuat di mana-mana daerah mengikut³⁰:
- i mangsa itu tinggal;
 - ii orang yang terhadapnya perlindungan itu diminta tinggal;
 - iii tempat keganasan rumah tangga berlaku; atau
 - iv mangsa ditempatkan buat sementara.
- 7 Tempoh PO adalah selama 12 bulan dari tarikh kuat kuasa dan hanya satu (1) kali lanjutan boleh dibuat selama tidak melebihi 12 bulan³¹.

29 Seksyen 13(2), Akta 521 – Bila Perintah Perlindungan boleh Diminta memperuntukkan situasi PO boleh diminta.

30 Seksyen 14, Akta 521 – Memfaikan Permohonan memperuntukkan bahawa walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis mengenai bidang kuasa wilayah mahkamah, suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim yang melibatkan aduan keganasan rumah tangga boleh difaiklan di dalam mana-mana daerah di mana– (a) mangsa itu tinggal; (b) orang yang terhadapnya perlindungan yang diminta itu tinggal; (c) keganasan yang dikatakan itu berlaku; atau (d) mangsa itu ditempatkan buat sementara, dan permohonan itu hendaklah didengar oleh mahkamah secepat yang dapat dilaksanakan.

31 Seksyen 6(1A), Akta 521 – Perintah yang Boleh Dimasukkan dalam Perintah Perlindungan memperuntukkan bahawa Perintah yang diperuntukkan dalam perintah perlindungan itu hendaklah berkut kuasa selama suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa perintah itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah perlindungan itu.

- 8 Pengeluaran PO perlu direkodkan oleh pejabat pendaftaran mahkamah dengan maklumat yang berikut³²:
- i nama, jantina dan hubungan;
 - ii jenis keganasan rumah tangga sama ada melibatkan senjata atau mengakibatkan kecederaan diri dan kecederaan yang memerlukan rawatan perubatan; dan
 - iii tarikh kuat kuasa dan terma setiap perintah yang dikeluarkan.
- 9 Salinan PO perlu dikemukakan oleh mahkamah kepada pegawai polis bagi daerah pesalah tinggal dalam tempoh 24 jam pengeluaran PO.
- 10 Bukti penyampaian salinan PO yang dilaksanakan perlu difaiklan oleh pegawai polis dengan dengan mahkamah serta memaklumkan penyampaian yang telah dilaksanakan kepada mangsa dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penyampaian itu³³.
- 11 Jika salinan perintah tidak dapat disampaikan selepas tiga (3) kali cubaan, permohonan penyampaian ganti perintah secara bertulis perlu dibuat oleh pegawai polis kepada mahkamah³⁴.
- 12 Mahkamah perlu membuat perintah bagi penyampaian ganti PO seperti yang berikut:

32 Seksyen 16, Akta 521 – Rekod Permohonan dan Perintah memperuntukkan bahawa pejabat pendaftaran mahkamah hendaklah menyenggarakan suatu rekod mengenai segala permohonan yang difaiklan menurut Akta ini, dan segala perintah perlindungan dan perintah perlindungan interim yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah Akta ini.

33 Seksyen 17(1), Akta 521 – Bukti Penyampaian Perintah Perlindungan memperuntukkan bahawa dalam masa dua puluh empat jam dari pengeluaran sesuatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim, mengikut mana-mana yang berkenaan, mahkamah yang mengeluarkan perintah itu hendaklah mengemukakan suatu salinan perintah itu kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana pesalah itu tinggal atau mana-mana pegawai polis di bawah perintahnya.

34 Seksyen 17A(1), Akta 521 – Penyampaian Ganti memperuntukkan bahawa sekiranya pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam seksyen 17 tidak dapat menyampaikan salinan perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu kepada pesalah itu sendiri selepas tiga kali cubaan, pegawai yang berkenaan hendaklah dengan serta-merta membuat permohonan bertulis kepada mahkamah bagi suatu perintah penyampaian ganti perintah itu.

- i meninggalkan salinan perintah itu di alamat pelaku yang terakhir diketahui;
 - ii menampalkan salinan perintah di papan notis mahkamah; atau
 - iii apa-apa cara lain yang diarahkan oleh mahkamah.
- 13 Penyampaian ganti perlu dimaklumkan kepada mangsa oleh mahkamah³⁵.
- 14 Pelanggaran perintah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya. Bagi pelanggaran yang menggunakan keganasan ke atas orang yang dilindungi boleh dikenakan denda tidak melebihi RM4,000.00 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya. Pelanggaran kali kedua atau seterusnya akan dipenjarakan tidak kurang daripada 72 jam dan tidak melebihi dua (2) tahun serta boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00³⁶.
- 15 Mahkamah boleh membuat atau memperbaharui perintah apabila PO dilanggar dengan menambah mana-mana penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8.

³⁵ Seksyen 17A(4), Akta 521 – Penyampaian Ganti memperuntukkan bahawa penyampaian ganti yang dilaksanakan di bawah Seksyen 17A (3) hendaklah dimaklumkan kepada mangsa oleh mahkamah secepat yang dapat dilaksanakan.

³⁶ Seksyen 8, Akta 521 – Pelanggaran Perintah Perlindungan memperuntukkan pelanggaran suatu perintah perlindungan atau mana-mana peruntukannya melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau dipenjarakan.

PROSES KERJA PERINTAH PERLINDUNGAN

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Permohonan PO			
1	<p>Terima arahan pertuduhan daripada Timbalan Pendakwa Raya ke atas pelaku dan maklum kepada mangsa tarikh pelaku akan dituduh di mahkamah.</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sertakan surat pengesahan kes dalam prosiding mahkamah. 	PDRM/ Timbalan Pendakwa Raya/ Mahkamah	-
2	<p>Terima permohonan PO melalui sistem e-Kehakiman dengan dokumen-dokumen berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. surat iringan agensi terlibat memohon PO kepada Majistret; ii. surat pengesahan oleh pihak polis kes dalam prosiding Mahkamah; iii. salinan kad pengenalan mangsa; dan iv. salinan surat beranak/kad pengenalan bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. 	Pegawai Penguat Kuasa (JKM/ PDRM)	Seksyen 19 Akta 521
3	Sediakan dokumen untuk memfailkan permohonan PO.		Seksyen 2, subseksyen 19 (1) & seksyen 14 Akta 521
4	Bantu mangsa ke mahkamah untuk memfailkan PO.		Seksyen 4 & subseksyen 19 (1)(A) Akta 521

CARTA ALIR

Permohonan PO

PDRM terima arahan pertuduhan daripada TPR dan maklum mangsa tarikh pertuduhan



Terima permohonan PO




Sedia dokumen untuk failkhan PO




Bantu mangsa ke mahkamah untuk permohonan PO

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Pengeluaran PO			
1	Terima dan daftar permohonan PO melalui sistem e-Kehakiman.	Mahkamah	-
2	Semak syarat-syarat sekatan yang diperlukan dalam pengeluaran PO.	Pegawai Penguatan Kuasa (JKM/ PDRM)	-
3	Hadir semasa pendengaran permohonan oleh mahkamah (jika perlu).		
4	Sediakan PO. Nota: <ul style="list-style-type: none">Bantahan boleh dibuat kepada mahkamah supaya pelaku tidak dilepaskan dengan jaminan bagi kesalahan tidak boleh jamin "non-bailable offences" atau kesalahan tidak dikompaun sekiranya PO tidak diberikan kepada mangsa.PO dikeluarkan kepada mangsa sebagai syarat tertuduh dilepaskan dengan jamin atau kesalahan dikompaun.	Mahkamah	Subseksyen 13(2) Akta 521
5	Serah PO kepada mangsa dan salinan PO kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana pelaku itu tinggal atau mana-mana pegawai polis di bawah perintahnya. Nota: <ul style="list-style-type: none">Serahan kepada pelaku dibuat dalam tempoh 24 jam selepas PO dikeluarkan.		Seksyen 17 Akta 521
6	Rekod dan fail keputusan mahkamah termasuk salinan PO.	Mahkamah/ Pegawai Penguatan Kuasa (JKM/ PDRM)	Seksyen 16 Akta 521

CARTA ALIR**Pengeluaran PO**

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Penyampaian/ Penyampaian Ganti PO kepada Pelaku			
1	Serah salinan PO kepada pelaku serta maklumkan kepada mangsa dan mahkamah.	PDRM (Ketua Polis Daerah)	Seksyen 17 Akta 521
2	Mohon perintah penyampaian ganti PO secara bertulis dengan serta-merta kepada mahkamah. Nota: <ul style="list-style-type: none">Jika tidak dapat menyampaikan salinan PO kepada pelaku selepas 3 kali cubaan dan maklumkan mangsa mengenai penyampaian ganti yang dibuat.	PDRM	Seksyen 17A Akta 521
3	Keluarkan perintah bagi penyampaian ganti PO apabila menerima permohonan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Maklumkan perintah penyampaian ganti kepada mangsa dengan secepat mungkin.	Mahkamah	Subseksyen 17A (2) & (4) Akta 521

CARTA ALIR**Penyampaian/ Penyampaian Ganti PO kepada Pelaku**

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Pelanggaran dan Pembaharuan PO			
1	Semak jika PO masih sah dan telah disampaikan kepada pelaku.	PDRM	-
2	Buka kertas siasatan berasingan ke atas kesalahan pelanggaran PO.		-
3	Rujuk arahan mengemukakan pelaku di mahkamah daripada Timbalan Pendakwa Raya. Nota: <ul style="list-style-type: none">• Sebelum setiap prosiding jatuh hukum, Timbalan Pendakwa Raya perlu memastikan kenyataan impak mangsa disediakan.	Mahkamah/ Timbalan Pendakwa Raya/ PDRM	-
4	Perbaharui PO sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan.	Mahkamah	Subseksyen 6(1) & 9 Akta 521
5	Senggara rekod berkaitan aduan yang difailkan dan perintah yang dikeluarkan.		Seksyen 16 Akta 521

CARTA ALIR**Pelanggaran dan Pembaharuan PO**

PDRM semak jika PO masih sah dan telah disampaikan kepada pelaku



Buka kertas siasatan kesalahan pelanggaran



Rujuk arahan TPR kemuka pelaku di mahkamah



Perbaharui PO dan penalti



Rekod dan fail

BANTUAN RAWATAN KESIHATAN/ PSIKOLOGI/ EMOSI DI ONE STOP CRISIS CENTRE (OSCC)

- 1 OSCC menyediakan perkhidmatan pemeriksaan awal dan rawatan kecemasan dari segi penderaan kanak-kanak, penderaan seksual dan keganasan rumah tangga selain kaunseling awal kepada trauma dan tekanan yang dialami oleh mangsa di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kerajaan yang beroperasi 24 jam.
- 2 Hospital melalui Pegawai Kerja Sosial Perubatan akan membuat rujukan kepada JKM atau agensi lain yang berkaitan (jika perlu) untuk mendapatkan perkhidmatan lain. Bagi hospital yang tiada Pegawai Kerja Sosial Perubatan, rujukan akan terus dibuat oleh Pegawai Perubatan.
- 3 Pegawai Kerja Sosial Perubatan berperanan dalam memberikan khidmat nasihat berkaitan hak dan perlindungan, perkhidmatan yang disediakan, rawatan lanjut, perkahwinan/ perceraian/ tuntutan nafkah/ hak penjagaan anak, bantuan kewangan serta pengurusan waris/ ibu bapa angkat bagi kes mengandung luar nikah.
- 4 Pengecualian bayaran bagi permohonan oleh agensi kerajaan dan mangsa yang mendapat akuan dari JKM atau menyertakan kad JKM kecuali untuk tuntutan insurans dan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- 5 Permohonan yang dibuat oleh individu atau agensi swasta dikenakan bayaran mengikut Bahagian 4 (Pendapat atau Laporan Perubatan Bertulis), Jadual H (Caj Pelbagai) kepada Perintah Fi (Perubatan) 1982 [P.U. (A) 359/1982].



PROSES KERJA BANTUAN RAWATAN KESIHATAN/ PSIKOLOGI/ EMOSI DI OSCC

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
1	Terima kes sama ada mangsa datang sendiri atau diiringi oleh PDRM, JKM, Klinik Kesihatan, agensi lain dan NGO.		–
2	<p>Daftar kes dan klasifikasi kes melalui proses triaj (bukan kritikal/ semi kritikal/ kritikal).</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bagi kes bukan kritikal, jururawat/ pembantu pegawai perubatan/ pegawai perubatan membuat pemeriksaan, rawatan dan kaunseling awal serta rujuk kepada Pegawai Kerja Sosial Perubatan, PDRM dan JKM (jika perlu). Rawatan susulan diberikan bergantung kepada keperluan kes. Bagi kes kritikal, rawatan segera diberikan dan dimasukkan ke wad yang berkenaan serta akan dirujuk kepada Pegawai Kerja Sosial, PDRM dan JKM (jika perlu). Rawatan susulan diberikan bergantung kepada keperluan kes. Laporan perubatan diberikan kepada mangsa yang hadir dengan Borang Permohonan Laporan Perubatan (Borang KKM/LP/1/2008) dan dokumen sokongan. 	Jabatan Kecemasan dan Trauma	<p>Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 16/2010: Garis Panduan Penyediaan Laporan Perubatan di Hospital-hospital dan Institusi Perubatan Perintah Fi (Perubatan) 1982 P.U.(A) 359</p> <p>Borang BAT F117 (tentera) dengan surat pengesahan dari Pegawai Memerintah</p>
3	Discaj serta fail dan rekod.	Jabatan Kecemasan dan Trauma (tertakluk juga discaj dari jabatan lain seperti Jabatan Obstetrik & Ginekologi/ Jabatan Pembedahan dan lain-lain)	–

CARTA ALIR

BANTUAN RAWATAN KESIHATAN/ PSIKOLOGI/ EMOSI DI OSCC




PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN DI TEMPAT SELAMAT/ TEMPAT BERLINDUNG

- 1 Tempat Selamat merujuk kepada mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri.
- 2 Tempat Berlindung merujuk kepada mana-mana rumah, institusi atau tempat lain sesuai yang penghuni atau pemunyanya bersedia untuk menerima mangsa buat sementara waktu. Ini adalah termasuk Rumah Perlindungan yang digunakan oleh JPW dan rumah ibadat lain untuk penempatan mangsa.
- 3 Masjid dijadikan sebagai Pusat Transit Sementara/ Tempat Berlindung di bawah seliaan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memberikan perlindungan sementara, khidmat nasihat kekeluargaan atau kaunseling untuk mangsa keganasan rumah tangga sama ada yang beragama Islam dan bukan Islam.
- 4 Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di bawah seliaan YKN adalah tempat rujukan setempat bagi kumpulan sasar KPWK merangkumi mangsa keganasan rumah tangga untuk mengemukakan aduan dan pertanyaan, memperoleh maklumat dan nasihat, mendapatkan khidmat kaunseling serta transit sementara.



PROSES KERJA PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
Tempat Selamat			
①	Terima permohonan dari mangsa untuk ke Tempat Selamat beserta laporan polis mengenai keganasan rumah tangga yang dialami.		-
②	Semak permohonan serta daftar kes dalam Buku Indeks/ Buku Daftar Kes. Nota: <ul style="list-style-type: none"> Semak status kes. Jika permohonan baru, daftar dalam Buku Indeks dan Buku Daftar Kes. Jika kes berulang, dapatkan fail asal untuk tindakan lanjut. 		-
③	Sediakan Surat Iringan Perlindungan Sementara untuk penempatan sementara di Tempat Selamat. Nota: <ul style="list-style-type: none"> Hubungi pegawai yang bertanggungjawab menjaga Tempat Selamat untuk memaklumkan cadangan kemasukan mangsa untuk mendapatkan perlindungan sementara. Sediakan atau atur pengangkutan dan iringi mangsa ke Tempat Selamat (jika perlu). 	JKM	Perenggan 19(1)(b) Akta 521
④	Buat seliaan keadaan mangsa di Tempat Selamat. Nota: <ul style="list-style-type: none"> Ambil tindakan susulan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada mangsa/ pegawai yang bertanggungjawab menjaga Tempat Selamat. 		-
⑤	Rekod dan fail.		-




BIL	TINDAKAN	AGENSI
	Rumah Perlindungan JPW Menerima Mangsa	
1	Terima permohonan mangsa serta isi nama mangsa dan Borang Akuan Penerimaan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Pastikan bahasa yang digunakan adalah difahami oleh mangsa dan dapatkan jurubahasa (jika perlu).	
2	Isi Borang Akuan Persetujuan untuk ditempatkan di Rumah Perlindungan.	
3	Daftar dan rekod maklumat dalam sistem rekod yang digunakan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Buku Daftar Surat & RekodBuku IndeksBorang Maklumat MangsaBuku Daftar Masuk/ KleuarBuku Daftar Harta PenghuniBuku Fail Kemasukan	
4	Beri penerangan/ taklimat kepada mangsa tentang peraturan Rumah Perlindungan.	JPW
5	Bekalkan barang keperluan asas.	
6	Sediakan surat pemakluman tarikh tamat tempoh transit kepada pihak yang merujuk.	
7	Serah mangsa yang telah tamat tempoh kepada pihak yang merujuk untuk tindakan selanjutnya.	
8	Rekod dan fail.	



BIL	TINDAKAN	AGENSI
	Rumah Perlindungan JPW Melepaskan Mangsa	
1	Terima Permohonan Keluar Rumah Perlindungan daripada mangsa/ pihak yang merujuk/ keluarga/ waris sebelum tamat tempoh transit.	
2	Maklumkan kepada pihak yang merujuk.	
3	Sediakan surat makluman pelepasan kepada pihak yang merujuk/ keluarga/ waris.	JPW
4	Serahkan mangsa kepada pihak yang merujuk/ keluarga/ waris.	
5	Rekod dan fail.	

CARTA ALIR

Melepaskan Mangsa



BIL	TINDAKAN	AGENSI
Pusat Transit – Masjid		
Menerima Mangsa		
1	Terima permohonan serta rekod nama mangsa dan ahli keluarga yang dibawa bersama dalam buku rekod masjid.	
2	Isi Borang Pendaftaran Kemasukan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Pastikan mangsa mengisi Borang Pendaftaran Kemasukan.Surat laporan polis dikemukakan dengan penyataan kes keganasan rumah tangga dan EPO (jika ada).	
3	Beri taklimat kepada mangsa tentang peraturan pusat transit dan tempoh masa perlindungan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Mangsa diberikan asrama/ bilik musafir, set persalinan pakaian, selimut, tuala dan peralatan kebersihan diri.Khidmat nasihat kekeluargaan turut diberikan (jika perlu).	JAKIM/ JAIN/ Masjid
4	Maklumkan kepada pihak yang merujuk (waris/ polis/ pegawai JKM/ JPW) tentang tarikh tamat penempatan (tidak melebihi 3 hari).	
5	Rekod dan fail.	

CARTA ALIR

Menerima Mangsa

Terima permohonan dan rekod

Isi Borang Pendaftaran Kemasukan

Beri taklimat tentang peraturan pusat transit

Maklum kepada pihak yang merujuk
tarikh tamat penempatan

Rekod dan fail

BIL	TINDAKAN	AGENSI
Pusat Transit – Masjid		
Melepaskan Mangsa		
1	Maklumkan kepada pihak yang merujuk (waris/ JKM/ JPW/ PDRM).	
2	Keluarkan surat makluman/ borang pelepasan mangsa kepada pihak yang merujuk (waris/ JKM/ JPW/ PDRM).	
3	Serah mangsa kepada pihak yang merujuk (waris/ JKM/ JPW/ PDRM).	JAKIM/ JAIN/ Masjid
4	Daftar keluar mangsa dalam buku rekod masjid.	
5	Rekod dan fail.	

CARTA ALIR

Melepaskan Mangsa

Maklum pada pihak waris/ JKM/ JPW/ PDRM

Keluarkan surat makluman/borang
pelepasan mangsa kepada waris/ JKM/ JPW/ PDRMSerah mangsa kepada
pihak waris/JKM/JPW/PDRM

Daftar keluar mangsa

Rekod dan fail

BIL	TINDAKAN	AGENSI
	Pusat Transit – Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Menerima Mangsa	
①	Terima permohonan klien dan catat butiran peribadi dalam rekod pendaftaran.	
②	Dapatkan persetujuan klien untuk diberikan perlindungan sementara di PSSS. Nota: <ul style="list-style-type: none">• Pastikan klien menandatangani Borang Akuan Penghuni PSSS.	
③	Daftar masuk klien.	
④	Kenal pasti kes klien.	
⑤	Urus penempatan dan barang keperluan asas untuk klien.	
⑥	Beri khidmat kaunseling dan bimbingan kepada mangsa (jika perlu).	
⑦	Rujuk kes mangsa kepada jabatan/ agensi yang berkaitan (jika perlu).	
⑧	Rekod dan fail.	

CARTA ALIR

Menerima Mangsa

Terima permohonan klien dan catat butiran peribadi dalam rekod pendaftaran**Dapatkan persetujuan klien dan pastikan klien menandatangani Borang Akuan Penghuni PSSS****Daftar masuk klien****Kenal pasti kes klien****Urus penempatan dan barang keperluan asas untuk mangsa****Beri khidmat kaunseling dan bimbingan kepada klien****Rujuk kes klien kepada jabatan/ agensi yang berkaitan (jika perlu)****Serah klien kepada pihak yang dirujuk (jika perlu)****Rekod dan fail**

BIL	TINDAKAN	AGENSI
Pusat Transit – Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)		
Melepaskan Mangsa		
1	Terima permohonan keluar daripada klien. Nota: <ul style="list-style-type: none">Pastikan klien menandatangani Borang Akuan Keluar Penghuni PSSS.	
2	Sediakan surat pemakluman pelepasan klien untuk diserahkan kepada jabatan/ agensi/ waris/ JKM/ JPW/ PDRM/ NGO.	
3	Rujuk kes klien kepada pihak yang berkaitan, jika perlu (PDRM/ OSCC/ JKM/ NGO/ jabatan/ agensi berkaitan/ waris/ majikan (bagi klien pencari pekerjaan).	YKN
4	Serah klien kepada pihak yang dirujuk (PDRM/ OSCC/ JKM/ NGO/ waris/ jabatan/ agensi/ majikan (bagi klien pencari pekerjaan).	
5	Daftar keluar klien.	
6	Rekod dan fail.	

CARTA ALIR

Melepaskan Mangsa

Terima permohonan keluar daripada klien dan memastikan klien menandatangani Borang Akuan Keluar Penghuni PSSS



Sedia surat pemakluman pelepasan klien untuk diserahkan kepada jabatan/ agensi/ waris/ JKM/ JPW/ PDRM/ NGO



Rujuk kes klien kepada pihak yang berkaitan



Serah klien kepada pihak yang dirujuk



Daftar keluar klien



Rekod dan fail

BANTUAN SOKONGAN**i. PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING**

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan dan NGO bagi membantu mangsa menangani trauma dan tekanan contohnya, Talian Kasih 15999 KPWK, Perkhidmatan Tele-Kaunseling dan E-Kaunseling LPPKN, LKM, PSSS, OSCC, Klinik DeStress dan Klinik Undang-Undang JPW, JKM dan sebagainya.

PROSES KERJA PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

BIL	TINDAKAN	AGENSI
1	Terima kes atau permohonan daripada mangsa/ wakil mangsa. Nota: <ul style="list-style-type: none">Rujuk ke agensi berkaitan (jika perlu).Isi borang yang berkaitan mengikut agensi terlibat.Semak jika klien pernah berdaftar, jika ya, dapatkan fail terdahulu atau jika tiada, buka fail klien.	Agensi terlibat
2	Atur janji temu sesi khidmat psikologi dan kaunseling.	
3	Jalankan sesi khidmat psikologi dan kaunseling.	Agensi terlibat (Kaunselor/ Psikolog)
4	Rekod dan fail.	Kaunselor/ Pegawai Psikologi

CARTA ALIR**Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling**

Terima kes/ permohonan bagi kaunseling



Atur janji temu



Jalankan sesi



Rekod dan fail

ii. PROGRAM PEMULIHAN


Program Pemulihan merupakan program yang disediakan oleh kementerian yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan bagi pembangunan keluarga dan masyarakat. Program ini dimasukkan adalah satu perintah tambahan yang dikeluarkan bersama Perintah Perlindungan oleh mahkamah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 11, Akta 521³⁷. Pelaksanaannya boleh dibuat kepada mangsa atau pelaku dengan syarat program pemulihan tersebut adalah dengan persetujuan mangsa. Klien yang dikehendaki menjalani program pemulihan boleh dirujuk kepada program-program di bawah JKM, LPPKN, JPW JAKIM dan lain-lain yang berkaitan.

PROSES KERJA PROGRAM PEMULIHAN

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
1	Terima dan semak Perintah Perlindungan bagi Program Pemulihan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Semak Daftar Indeks Program Pemulihan Akta Keganasan Rumah Tangga dan Daftar Program Pemulihan.Jika telah daftar, dapatkan fail terdahulu.Jika belum, daftarkan dalam Daftar Indeks Program Pemulihan Akta Keganasan Rumah Tangga dan Daftar Program pemulihan.	JKM	Seksyen 11 Akta 521
2	Daftar klien dalam Daftar Indeks Program Pemulihan Akta Keganasan Rumah Tangga.		-
3	Hantar surat Akuan Penerimaan Perintah Perlindungan bagi Program Pemulihan kepada mahkamah.		-

³⁷ Seksyen Seksyen 11(1) & (4), Akta 521 – Program Pemulihan memperuntukkan bahawa mahkamah boleh dalam suatu permohonan yang suatu perintah perlindungan diminta, sebagai tambahan kepada pengeluaran suatu perintah perlindungan, membuat suatu perintah bahawa satu atau lebih pihak kepada pertikaian itu dirujuk kepada suatu program pemulihan, dengan syarat bahawa suatu perintah untuk merujuk mangsa kepada suatu program pemulihan hendaklah dibuat hanya dengan persetujuan mangsa itu. Dalam seksyen ini, “program pemulihan” ertiinya program yang disediakan oleh Kementerian yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan bagi maksud pembangunan keluarga dan masyarakat.

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
4	Jalankan temubual dan beri penerangan yang berkaitan.	JKM	-
5	Jalankan mana-mana saringan yang bersesuaian ke atas klien. Nota: <ul style="list-style-type: none">Pemerhatian Mental Status ExaminationSenarai semak Identifikasi Masalah Keganasan Rumah Tangga (IMKRT)16 Personality FactorTemubual	Agensi terlibat (Pegawai Psikologi/ Kaunselor)	-
6	Laksanakan konferensi kes program pemulihan.		-
7	Sediakan laporan konferensi program pemulihan.	Agensi berkaitan	-
8	Laksanakan program pemulihan yang bersesuaian. Nota: <ul style="list-style-type: none">Kaunseling individuKaunseling perkahwinanKaunseling keluargaKaunseling krisis/ traumaPsikoterapiProgram SmartBelanja@LPPKN; danProgram-program lain yang berkaitan.	Agensi terlibat (Pegawai Psikologi/ Kaunselor)	-
9	Semak laporan kemajuan klien.	JKM	-
10	Kemukakan surat makluman pelanggaran Perintah Perlindungan bagi Program Pemulihan kepada mahkamah sekiranya berlaku pelanggaran.	Agensi berkaitan	-
11	Rekod dan fail.	Agensi berkaitan / JKM/ Pegawai Psikologi/ Kaunselor	-



iii. TUNTUTAN GANTI RUGI/ PAMPASAN

- 1 Khidmat bantuan guaman boleh diberikan kepada mangsa keganasan rumah tangga yang ingin menuntut ganti rugi/ pampasan daripada pelaku di mahkamah.
- 2 Ganti rugi yang dirujuk dalam kes keganasan rumah tangga ini adalah ganti rugi yang dituntut oleh mangsa terhadap pelaku di bawah suatu prosiding sivil. Contohnya, ganti rugi kesakitan dan penderitaan, ganti rugi teladan, ganti rugi kerosakan harta benda dan sebagainya. Pampasan pula dirujuk dalam kes keganasan rumah tangga ini adalah pampasan yang dituntut dalam suatu prosiding jenayah.
- 3 Mahkamah berperanan untuk mengawardkan apa-apa pampasan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 10, Akta 521 atau bawah mana-mana peruntukan undang-undang di Malaysia kepada mangsa yang membuat tuntutan di Mahkamah akibat daripada keganasan rumah tangga dengan mengambil kira antaranya perkara-perkara yang berikut:
 - i kesakitan dan penderitaan mangsa itu sendiri, jenis dan tahap kecederaan fizikal atau penderaan psikologi termasuklah kecederaan emosi yang dialami;
 - ii kos rawatan perubatan bagi kecederaan;
 - iii apa-apa kehilangan pendapatan yang berbangkit daripadanya;
 - iv amaun atau nilai harta yang diambil atau dimusnahkan atau dirosakkan;
 - v perbelanjaan perlu dan munasabah yang ditanggung oleh atau bagi pihak mangsa apabila mangsa itu terpaksa berpisah atau dipisahkan daripada defendant oleh kerana keganasan rumah tangga itu, seperti :
 - a perbelanjaan penginapan yang disumbangkan kepada tempat selamat atau tempat berlindung;

- b** perbelanjaan pengangkutan dan pemindahan;
- c** perbelanjaan yang dikehendaki dalam menukuhan suatu rumah tangga berasingan yang tertakluk kepada subseksyen 10 (3), Akta 521 boleh meliputi amaun yang merupakan pembayaran pinjaman perumahan atau bayaran sewa atau sebahagian daripadanya, berkenaan dengan kediaman bersama atau kediaman alternatif mengikut mana-mana yang berkenaan bagi tempoh sebagaimana yang mahkamah fikirkan adil dan semunasabahnya perlu.
- 4** Mahkamah boleh sama ada membenarkan atau menolak tuntutan mangsa keganasan rumah tangga bergantung kepada pembuktian kes di mahkamah.
- 5** Mahkamah juga boleh mengambil kira tentang kedudukan kewangan mangsa serta defendan, perhubungan yang wujud antara pihak-pihak itu dan kemunasabahannya menghendaki defendan itu membuat atau menyumbangkan pembayaran, kemungkinan prosiding lain diambil antara pihak-pihak itu dan sama ada perkara itu lebih sesuai diperlakukan di bawah undang-undang relevan berhubungan dengan peruntukan kewangan bagi isteri atau suami atau bekas isteri atau suami dan orang tanggungan lain.

PROSES KERJA TUNTUTAN GANTI RUGI/ PAMPASAN


BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
1	Maklumkan kepada mangsa tuntutan ganti rugi melalui peguam cara yang dilantik sendiri atau sekiranya tidak berkemampuan melalui Jabatan Bantuan Guaman (JBG) di bawah tuntutan sivil sekiranya tiada tuntutan dibuat di bawah seksyen 426, KTJ oleh Pegawai Pendakwa.	Agensi terlibat	
2	Daftar mangsa yang hadir ke JBG dan tetapkan tarikh/ masa janji temu. Nota: <ul style="list-style-type: none">Permohonan juga boleh dibuat secara dalam talian.		
3	Beri khidmat nasihat guaman. Nota: <ul style="list-style-type: none">Khidmat nasihat guaman diberikan secara lisan dan tiada khidmat nasihat guaman diberikan secara bertulis.Khidmat nasihat guaman diberikan kepada mangsa atau pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam peritiakan kes keganasan rumah tangga (contoh: ahli keluarga mangsa jika mangsa berada dalam keadaan koma/orang kurang upaya).	JBG	Seksyen 10 Akta 521 Kanun Tatacara Jenayah
4	Serah dokumen dan jalankan siasatan bagi tujuan khidmat bantuan guaman. Nota: <ul style="list-style-type: none">Dokumen yang diperlukan perlu dikemukakan kepada JBG.Siasatan kes bagi tujuan mendapatkan khidmat bantuan guaman dan ujian kemampuan dijalankan bagi menentukan merit kes serta had kelayakan pelanggan.Sekiranya bermerit, permohonan bagi kes luar bidang kuasa akan dipohon kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) untuk kelulusan bantuan guaman.Setelah mendapat kelulusan, fail dibuka dan didaftarkan di JBG.		Kanun Keseksaan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
5	Daftar kes di mahkamah. Nota: <ul style="list-style-type: none">Kes keganasan rumah tangga adalah kes di luar bidang kuasa JBG, namun JBG masih boleh mewakili mangsa setelah mendapat kelulusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).Kes didaftarkan di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut.Penetapan tarikh pendengaran akan dibuat.	JBG/ Mahkamah	

BIL	TINDAKAN	AGENSI	PUNCA KUASA / RUJUKAN
6	Jalankan perbicaraan. Nota: <ul style="list-style-type: none">Mahkamah akan menentukan merit kes.		
7	Keluarkan perintah. Nota: <ul style="list-style-type: none">Perintah ganti rugi/ pampasan boleh sama ada diberikan atau ditolak oleh mahkamah bergantung kepada pembuktian kes.	Mahkamah	
8	Rekod dan fail.	JBG/ Mahkamah/ Agensi terlibat	

CARTA ALIR**Tuntutan Ganti Rugi/ Pampasan****iv. RUJUKAN KE AGENSI LAIN**

Bagi perkhidmatan lain yang diperlukan oleh mangsa melibatkan isu perceraian, pendamaian, perebutan hak penjagaan anak, tuntutan nafkah dan lain-lain, mangsa boleh dirujuk ke agensi-agensi berikut:

- i JBG;
- ii Mahkamah Sivil;
- iii Mahkamah Syariah;
- iv Mahkamah Bumiputera Sarawak;
- v Tribunal Perkahwinan (Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia);
- vi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia; atau
- vii lain-lain yang berkaitan.



4

PENUTUP



PENUTUP

Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga menggariskan peranan agensi serta prosedur dan proses kerja utama yang terlibat dalam pengendalian sesuatu kes keganasan rumah tangga mengikut keperluan semasa. Garis panduan ini juga perlu dibaca bersama Akta 521, prosedur operasi standard sedia ada mengikut bidang fungsi agensi masing-masing dan undang-undang lain yang berkaitan.

Garis panduan ini telah disediakan berdasarkan maklumat sedia ada di bawah agensi terlibat dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan. Melalui penyediaan garis panduan ini sebagai dokumen rujukan kepada agensi terlibat, adalah diharap pengendalian kes dan pengurusan mangsa keganasan rumah tangga dapat dilaksanakan secara bersistematis dan berkesan dengan kerjasama semua pihak terlibat demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan sosial negara.



5

LAMPIRAN

BORANG DI BAWAH AKTA 521

(AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994)



5

LAMPIRAN: BORANG DI BAWAH AKTA 521

BORANG 1

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 3A]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PERMOHONAN BAGI PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

Untuk kegunaan pejabat:

DALAM DAERAH/NEGERI

NO. DAFTAR KES: TAHUN:

BAHAWASANYA SAYA

(nama pemohon) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport:

dengan ini membuat permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan berkenaan

dengan (nama mangsa)

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

terhadap (nama orang yang terhadapnya perintah itu diminta)

.....
*No. Kad Pengenalan/No. Pasport:

Catatan:

- 1 Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan hendaklah dibuat oleh—
 - a mangsa;
 - b peguam mangsa; atau
 - c dalam hal jika mangsa itu ialah seorang kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan, penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu atau seorang pegawai kebajikan masyarakat selain pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa.

- 2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan

NO. DAFTAR KES:

Perihalan keganasan rumah tangga:

Pemohon

Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa

Catatan:

Sila nyatakan perihalan keganasan rumah tangga yang berkaitan yang hendaklah termasuk perbuatan keganasan rumah tangga itu, hubungan antara mangsa dengan orang yang terhadapnya perintah itu diminta, dan alamat di mana keganasan rumah tangga itu berlaku atau telah berlaku.

NO. DAFTAR KES:

Untuk kegunaan pejabat:

Keputusan Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa:

Cop Rasmi

Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa

Tarikh:

BORANG 2

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 3A]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT

DALAM DAERAH NEGERI

NO. DAFTAR KES: TAHUN:

BAHAWASANYA (nama mangsa)

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

yang beralamat di

memerlukan suatu perintah perlindungan kecemasan.

DENGAN INI DIPERINTAHKAN BAHAWA,

(nama orang yang terhadapnya perintah ini dibuat) *No. Kad Pengenalan/ No. Pasport:

..... yang beralamat di

.....

.....

- dihalang daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap mangsa dengan bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- dihalang daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap mangsa dengan menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- dilarang daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap mangsa dengan bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- dilarang daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap mangsa dengan menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- dilarang daripada memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif mana-mana orang dilindungi.

Perintah perlindungan kecemasan ini hendaklah sah selama tempoh tujuh hari dari tarikh pengeluaran perintah ini dan berkuat kuasa apabila salinan perintah ini disampaikan kepada

(nama orang yang terhadapnya perintah ini dibuat).

Cop Rasmi

Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa

Tarikh:

Catatan:

1 Perintah ini hendaklah dilengkapkan dalam tiga salinan.

2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 3

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 4]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM

NEGERI , MALAYSIA

DALAM MAHKAMAH DI

NO. PERMOHONAN:

NO. LAPORAN POLIS:

BAHAWASANYA

(nama orang dilindungi) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

..... yang beralamat di

hadir di dalam Mahkamah ini dan bahwasanya Mahkamah, setelah membaca permohonan itu, berpuas hati bahawa beliau memerlukan suatu perintah perlindungan interim sementara menunggu penyiasatan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga yang telah dilakukan terhadapnya.

DENGAN INI DIPERINTAHKAN BAHWA,

(nama orang yang terhadapnya perintah ini dibuat) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport:

..... yang beralamat di

dihalang daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap orang dilindungi itu;

dilarang daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap orang dilindungi itu.

Mahkamah, yang berpuas hati bahawa adalah perlu bagi perlindungan dan keselamatan diri orang dilindungi itu, DENGAN INI MEMERINTAHKAN SELANJUTNYA YANG BERIKUT:

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)
- (e)
- (f)

Perintah perlindungan interim ini hendaklah terhenti berkuat kuasa

- a apabila orang dilindungi itu dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis tentang penyiasatan yang telah selesai dan bahawa tiada tindakan selanjutnya akan diambil terhadap orang yang terhadapnya perintah ini dibuat;
- b apabila prosiding jenayah dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah ini dibuat jika, apabila dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa prosiding jenayah yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah ini dibuat, tiada permohonan bagi perintah perlindungan dibuat oleh orang dilindungi itu dalam masa tujuh hari selepas dimaklumkan sedemikian; atau
- c apabila permohonan bagi perintah perlindungan ditentukan oleh Mahkamah jika, apabila dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa prosiding jenayah yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah ini dibuat, permohonan bagi perintah perlindungan dibuat oleh orang dilindungi itu dalam masa tujuh hari selepas dimaklumkan sedemikian.

DIBERI di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah di

pada hari bulan tahun

.....
Hakim/Majistret**Catatan:**

1 Perintah ini hendaklah dilengkapkan dalam empat salinan.

2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 4

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 5, 6 dan 11]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PERINTAH PERLINDUNGAN

NEGERI , MALAYSIA

DALAM MAHKAMAH DI

NO. PERMOHONAN:

NO. LAPORAN POLIS:

BAHAWASANYA

(nama orang dilindungi) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

..... yang beralamat di

hadir di dalam mahkamah ini dan bahwasanya mahkamah, setelah membaca permohonan itu,
berpuas hati bahawa beliau memerlukan suatu perintah perlindungan.

DENGAN INI DIPERINTAHKAN BAHWA,

(nama orang yang terhadapnya perintah ini dibuat) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport:

..... yang beralamat di

dihalang daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap orang
dilindungi itu;dilarang daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan
rumah tangga terhadap orang dilindungi itu.Mahkamah, yang berpuas hati bahawa adalah perlu bagi perlindungan dan keselamatan diri orang
dilindungi itu, DENGAN INI MEMERINTAHKAN SELANJUTNYA YANG BERIKUT:

(a)

(b)

(c)

(d)

(e)

(f)

Perintah ini hendaklah berkuat kuasa bagi suatu tempoh tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh
perintah ini dibuat.

DENGAN INI DIPERINTAHKAN SELANJUTNYA BAHWA,

(nama orang yang terhadapnya perintah ini dibuat) hendaklah
menghadiri program pemulihan yang disediakan oleh Kementerian yang bertanggungjawab
bagi perkhidmatan kebajikan bagi maksud pembangunan keluarga dan masyarakat dan
(nama orang dilindungi) boleh menghadiri program pemulihan itu.

DIBERI di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah di

pada hari bulan tahun

.....
Hakim/Majistret**Catatan:**

1 Perintah ini hendaklah dilengkapkan dalam empat salinan.

2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 5

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 3B]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

**ARAHAN UNTUK MENYAMPAIKAN
PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN**

Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis

Negeri

Nama mangsa:

Jantina:

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

No. Daftar Kes:

DENGAN INI DIKEMUKAKAN sesalinan perintah perlindungan kecemasan yang dikeluarkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa bertarikh

berkenaan dengan (nama mangsa).

KAMU DENGAN INI DIARAHKAN untuk menyampaikan sesalinan perintah perlindungan kecemasan itu kepada

(nama orang yang terhadapnya perintah itu dibuat).

Bertarikh

.....
Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa**Catatan:**

- 1 Arahuan ini hendaklah dilengkapkan dalam tiga salinan.
- 2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 6

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 17]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

**PERINTAH UNTUK MENYAMPAIKAN PERINTAH PERLINDUNGAN
INTERIM ATAU PERINTAH PERLINDUNGAN**

Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis

Negeri

Nama orang dilindungi:

Jantina:

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

No. Laporan Polis:

DENGAN INI DIKEMUKAKAN sesalinan *perintah perlindungan interim/perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh mahkamah bertarikh

berkenaan dengan (nama orang dilindungi).

KAMU DENGAN INI DIPERINTAHKAN untuk menyampaikan sesalinan *perintah perlindungan interim/ perintah perlindungan itu kepada

(nama orang yang terhadapnya perintah itu dibuat).

Bertarikh

.....
Hakim/Majistret**Catatan:**

- 1 Perintah ini hendaklah dilengkapkan dalam tiga salinan.
- 2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 7

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 3B dan 17]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PENYAMPAIAN PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN, PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM ATAU PERINTAH PERLINDUNGAN

Kepada:

Nama:

(nama orang yang terhadapnya perintah itu dibuat)

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport:

Alamat:

KAMU DENGAN INI DISAMPAIKAN sesalinan *perintah perlindungan kecemasan/perintah perlindungan interim/perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh *Mahkamah/Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa bertarikh terhadap kamu berkenaan dengan *mangsa/orang dilindungi.

Bertarikh

Cop Rasmi

.....
Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis

Akuan Penerimaan Penyampaian:

Saya,

(nama orang yang terhadapnya perintah itu dibuat) *No. Kad Pengenalan/ No. Pasport:

....., dengan ini mengakui penerimaan sesalinan *perintah

perlindungan kecemasan/perintah perlindungan interim/perintah perlindungan yang disampaikan

kepada saya pada

.....
Tandatangan**Catatan:**

1 Borang ini hendaklah dilengkapkan dalam tiga salinan.

2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 8

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 3D]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

BUKTI PENYAMPAIAN PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

Kepada:

Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa,

Pejabat Kebajikan Masyarakat

Dalam Daerah..... Negeri

DENGAN INI DIAKUI bahawa sesalinan perintah perlindungan kecemasan yang dikeluarkan oleh

Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa bertarikh

berkenaan dengan (nama mangsa)

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

No. Daftar Kes:..... telah diterima oleh

..... (nama Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis) pada

..... dan sesalinan perintah itu telah disampaikan kepada (nama orang yang
terhadapnya perintah itu dibuat) pada

Bertarikh:

Cop Rasmi

.....
Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis
Tarikh:**Catatan:**

- 1 Borang ini hendaklah dilengkapkan dalam dua salinan.
- 2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 9

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 17]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

**BUKTI PENYAMPAIAN PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM
ATAU PERINTAH PERLINDUNGAN**

Kepada:

Pendaftar/Majistret,

DALAM MAHKAMAH DI

DENGAN INI DIAKUI bahawa sesalinan *perintah perlindungan interim/perintah perlindungan yang
dikeluarkan oleh Mahkamah di

bertarikh berkenaan dengan

..... (nama orang dilindungi) *No. Kad Pengenalan/ No.

Pasport/ No. Sijil Kelahiran:

No. Laporan Polis: telah diterima oleh

(nama Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis) pada dan
sesalinan perintah itu telah disampaikan kepada

(nama orang yang terhadapnya perintah itu dibuat) pada

Bertarikh:

Cop Rasmi

.....
Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa
Tarikh:**Catatan:**

- 1 Borang ini hendaklah dilengkapkan dalam dua salinan.
- 2 *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

BORANG 10

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 3C]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PENYAMPAIAN GANTI PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis

Negeri

Nama mangsa:

Jantina:

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

No. Daftar Kes:

KAMU DENGAN INI DIPERINTAHKAN untuk menyampaikan sesalinan perintah perlindungan kecemasan yang dikeluarkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa bertarikh berkenaan dengan

(nama mangsa) *No. Kad Pengenalan/ No. Pasport/ No. Sijil Kelahiran:
kepada (nama orang yang terhadapnya perintah itu dibuat)

- dengan meninggalkan sesalinan perintah itu di alamat yang terakhir diketahui bagi orang yang terhadapnya perintah itu dibuat;
- dengan apa-apa cara lain: (sila nyatakan)

Bertarikh:

Cop Rasmi

.....
Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa**Catatan:** *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.**BORANG 11**

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

[Seksyen 17A]

PERATURAN-PERATURAN KEGANASAN RUMAH TANGGA (BORANG YANG DITETAPKAN) 2018

PENYAMPAIAN GANTI PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM ATAU PERINTAH PERLINDUNGAN

Pegawai yang Bertanggungjawab bagi Daerah Polis

Negeri

Nama mangsa:

Jantina:

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

No. Laporan Polis:

KAMU DENGAN INI DIPERINTAHKAN untuk menyampaikan sesalinan *perintah perlindungan interim/ perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh Mahkamah

di bertarikh berkenaan dengan

(nama orang dilindungi) *No. Kad Pengenalan/No. Pasport/No. Sijil Kelahiran:

kepada (nama orang yang terhadapnya perintah itu dibuat)

- dengan meninggalkan sesalinan perintah itu di alamat yang terakhir diketahui bagi orang yang terhadapnya perintah itu dibuat;
- dengan menampalkan sesalinan perintah itu di papan notis Mahkamah;
- dengan apa-apa cara lain: (sila nyatakan)

Bertarikh:

Cop Rasmi

.....
Hakim/Majistret**Catatan:** *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

